



## SIARAN MEDIA

### SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

EAIC ANJUR LARIAN ERAT MALAYSIA  
DI KUALA TERENGGANU

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**11 OGOS 2025**

Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan (EAIC) dengan sukacitanya mengalu-alukan penyertaan orang ramai dalam Larian ERAT Malaysia 2025 yang akan diadakan pada 13 September 2025 (Sabtu) di Kuala Terengganu, sempena Sambutan Hari Malaysia ke-62. Larian santai sejauh 5 kilometer bertemakan “Integriti Dijulang, Negara Bermaruah” ini akan bermula dan berakhir di Dataran Batu Buruk, melalui laluan ikonik Jambatan Angkat, mercu tanda utama di bandar tersebut.

Pendaftaran larian adalah percuma dan kini dibuka kepada 1,000 peserta terawal. Peserta yang mendaftar akan menerima t-shirt dan medal eksklusif, berpeluang memenangi hadiah wang tunai bernilai serta menyertai cabutan bertuah yang disediakan sepanjang program. Selain memupuk gaya hidup sihat, penyertaan ini juga memberi ruang kepada masyarakat untuk bersama-sama agensi penguatkuasaan menyemai nilai integriti dan tanggungjawab sosial dalam suasana santai dan penuh semangat kenegaraan.

Pelbagai aktiviti sampingan turut disediakan seperti pameran integriti, sesi bersama penguat kuasa, jualan Rahmah, trak makanan, dan aktiviti pendidikan awam yang menyasarkan kesedaran sivik dan kefahaman terhadap peranan agensi penguatkuasaan.

Untuk pendaftaran dan maklumat lanjut, sila imbas kod QR yang tertera pada poster promosi atau layari [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my).

**#TAMAT#**

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)  
PUTRAJAYA**



SURUHANJAYA  
**INTEGRITI**  
AGENSI PENGUATKUASAAN  
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION

PENYERTAAN  
**PERCUMA**



LARIAN  
**SKM**  
**ERFAT**  
ENCOURAGING • RESPONSIBILITY • ACCOUNTABILITY • TRUSTWORTHINESS  
**MALAYSIA**

**13 SEPTEMBER  
2025**

SABTU | 8.30 MALAM

📍 DATARAN BATU BURUK  
KUALA TERENGGANU

PENGANJUR BERSAMA:



Imbas untuk daftar